

01/08/2003

Pusat mampu tingkat pengurusan air

KUALA LUMPUR: Beberapa negeri semalam percaya keputusan Kerajaan Pusat untuk mengambil alih pengurusan bekalan air di seluruh negara mampu mewujudkan sistem bersepadu yang lebih cekap demi kepentingan pengguna.

Mereka berpendapat, langkah itu juga membolehkan Kerajaan Pusat memainkan fungsi lebih penting dalam pembangunan dan penyediaan kemudahan bekalan air ke seluruh negara.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, percaya langkah itu tidak akan membawa kesan negatif kepada negeri, sebaliknya boleh meningkatkan mutu pengurusan air masing-masing.

"Kita juga tidak ada masalah untuk menawarkan sebahagian pegangan saham dalam syarikat pembekal air di negeri ini (PBA Holdings Berhad), tetapi kita masih menjadi pemegang saham terbesar," katanya selepas merasmikan pejabat cawangan Tiens Health Development (M) Sdn Bhd (Tiens Malaysia) di Georgetown, semalam.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, kelmarin mengumumkan pengurusan bekalan air di negeri akan dipindahkan di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat sepenuhnya dan sebuah badan khas akan diwujudkan bagi menguruskan bekalan ke seluruh negara.

Beliau berkata, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri bersetuju untuk memindahkan pengurusan bekalan air negeri masing-masing kepada Kerajaan Pusat.

Proses penyerahan itu, kecuali Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan seawal-awalnya akhir tahun ini.

Persetujuan itu diperakui ketika mesyuarat Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata negeri itu bersetuju pengurusan air diambil alih oleh Majlis Air Negara demi keperluan jangka panjang penduduk.

Ini kerana bekalan sumber air di Melaka dijangka hanya dapat menampung keperluan penduduknya sehingga tahun 2018.

"Sekarang pun kita bergantung kepada keperluan air mentah dari Johor dan oleh itu kita bersetuju supaya pengurusan air di negeri ini diserahkan kepada Kerajaan Pusat menerusi Majlis Air Negara," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco.

Melaka pernah mengalami krisis air pada awal 90-an kerana Empangan Durian Tunggal hampir kering-kontang ketika itu akibat kemarau dan pada tahun lalu pula mengenakan catuan air selama beberapa hari juga kerana kapasiti air di empangan itu menurun sehingga paras bawah 50 peratus.

Di JOHOR BAHRU, kerajaan negeri dijangka memutuskan penyerahan hak pengurusan serta perbekalan sumber air kepada Kerajaan Pusat selepas mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri, minggu depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri, Adam Abdul Hamid, berkata tidak timbul persoalan sama ada kerajaan negeri sudah bersetuju atau tidak berhubung perkara itu.

"(Soal pengurusan air) bagi Johor ada beza sikit... ia sudah diswasta. Syarikat yang mengendalikannya juga sudah disenaraikan (di Bursa Saham Kuala Lumpur).

"Oleh itu, kita sudah terikat dengan perjanjian. Apa pun perkara ini akan kita bincangkan pada mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri, minggu depan sebelum keputusan mengenainya dibuat," katanya ketika dihubungi.

Pengurusan sumber bekalan air di seluruh negeri ini dipertanggungjawab

kepada SAJ Holdings Sdn Bhd (SAJH), anak syarikat Ranhill Utilities Bhd, yang tersenarai di papan utama BSKL.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata masih terlalu awal baginya mengulas mengenai isu penyerahan hak pengurusan serta perbekalan sumber air dari negeri kepada Kerajaan Pusat.

"Tunggulah apabila Sultan Pahang berangkat pulang dari luar negara nanti, barulah saya membuat komen mengenai perkara ini. Sekarang masih terlalu awal," katanya ketika dihubungi di sini, petang semalam.

Pada 6 Jun lalu, Adnan dipetik sebagai berkata, kerajaan Pahang tidak mempunyai sebarang halangan berhubung peranan Majlis Sumber Air Kebangsaan sebagai badan bertanggungjawab menyalurkan harga dan penyaluran air ke negeri lain.

Beliau berkata, Pahang bersedia menyalurkan air ke negeri lain jika kerajaan negeri diberi pegangan ekuiti dalam syarikat yang merawat air mentah yang bakal diwujudkan nanti.

Di KOTA BHARU, Kerajaan Pas Kelantan bagaimanapun tidak bersetuju dengan pengambilalihan pengurusan bekalan air negeri oleh Kerajaan Pusat.

Menteri Besarnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata pengurusan bekalan air di negeri ini yang dikendalikan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) cukup berkesan.

"Saya minta berilah peluang kepada pegawai kerajaan negeri yang mampu menguruskan air. Alhamdulillah, nampaknya bergerak dengan baik, pendapatan meningkat dengan baik dan tarikh bayar hutang pun lima tahun lagi," katanya kepada pemberita di Kota Darulnaim, semalam.